

APPLIKASI KAEDAH-KAEDAH SYARAK SEBAGAI PANDUAN PEMILIHAN PEMIMPIN SEMASA PILIHANRAYA DALAM KONTEKS NEGARA MALAYSIA

APPLICATION OF SHARIAH METHODS AS GUIDANCE IN LEADERSHIP SELECTION DURING GENERAL ELECTIONS IN THE CONTEXT OF MALAYSIA

Kamal Azam Ibrahim¹
Ahmad Dahlan Salleh²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: P153267@siswa.ukm.edu.my)

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: dahlan@ukm.edu.my)

Article history

Received date : 1-10-2025

Revised date : 2-10-2025

Accepted date : 28-10-2025

Published date : 7-11-2025

To cite this document:

Ibrahim, K. A., & Salleh, A. D. (2025). Aplikasi kaedah-kaedah syarak sebagai panduan pemilihan pemimpin semasa pilihanraya dalam konteks negara Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (78), 183 – 198.

Abstrak: *Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, di mana rakyat diberi mandat memilih kerajaan melalui Pilihan Raya Umum (PRU) pada setiap lima tahun. Urusan memilih pemimpin adalah amanah syarie yang wajib ditunaikan serta telah menjadi perkara ijmak. Kajian lepas banyak menilai faktor politik seperti faktor isu, lokasi, sentimen, dan latar belakang yang mempengaruhi sentimen pengundi semasa PRU, tetapi kurang mengintegrasikan prinsip fiqh dalam pemilihan pemimpin. Kajian ini bertujuan membincangkan panduan memilih pemimpin berasaskan prinsip dan kaedah syarak, dan juga melalui analisa peranan serta ciri-ciri utama pemimpin menurut Islam. Metodologi yang digunakan ialah kajian kualitatif berbentuk kajian perpustakaan dengan analisis kandungan, menggunakan sumber fiqh an-nusus, kaedah-kaedah syarak, ijtihad, dan pandangan ulama klasik serta kontemporari. Kajian ini mencadangkan algoritma tiga langkah sebagai panduan dalam pemilihan pemimpin: pertama, menilai gabungan parti yang mempunyai majoriti Ahli Parlimen Islam; kedua, menilai manifesto gabungan berdasarkan Fiqh al-Muwazanat dan Maqasid al Syariah; ketiga, menilai calon berdasarkan kompetensi, amanah, serta tahap kemudaran yang rendah. Dengan adanya panduan memilih pemimpin ini, lebih 14 juta pengundi Islam dapat membuat pilihan yang selaras dengan tuntutan syarak pada PRU akan datang. Selain itu, panduan ini berpotensi menjadi pendorong kepada parti-parti politik untuk menambatkan dasar dan manifesto parti selaras dengan anjuran syarak.*

Kata kunci: *Pemimpin, Panduan Memilih Pemimpin, Pilihanraya Umum, Syarak.*

Abstract: *Malaysia practices a parliamentary democracy in which citizens are mandated to elect the government through a General Election (GE) every five years. The selection of leaders is a Shariah obligation and a matter of scholarly consensus (ijma'). Previous studies have extensively examined political factors such as issues, geographical location, voter sentiment,*

and background that influence electoral behavior during general elections. However, they have given limited attention to the integration of Islamic jurisprudential principles in the process of leadership selection. This study aims to provide Shariah-based guidance for leadership selection by examining Islamic jurisprudential principles alongside the roles and essential qualities of leaders in Islam. Employing a qualitative library-based methodology with content analysis, the study draws on the Qur'an, Sunnah, Shariah maxims, ijtihad, and the views of both classical and contemporary scholars. A three-step algorithm is proposed: first, prioritizing coalitions with a majority of Muslim Members of Parliament (MPs); second, evaluating party manifestos using Fiqh al-Muwazanat (jurisprudence of balancing priorities) and Maqasid al-Shariah (objectives of Islamic law); and third, assessing individual candidates on competence, integrity, and minimal potential harm. This framework enables over 14 million Muslim voters to align their choices with Shariah principles in future elections and may encourage political parties to refine their policies and manifestos in line with Islamic values.

Keywords: *Leadership, Leadership Selection Guidance, General Election, Shariah*

Pengenalan

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, di mana rakyat diberi mandat dan penentu kepada pembentukan kerajaan melalui pilihanraya umum (PRU) (Parlimen Malaysia 2025). Semasa PRU rakyat mengundi yakni memilih untuk melantik pemimpin bagi peringkat Persekutuan, iaitu bagi peringkat negara, dan juga untuk peringkat negeri. Kabinet kerajaan Malaysia masakini diketuai oleh Pakatan Harapan dengan YAB Dato Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri. Pemimpin dan kepimpinan adalah satu perkara yang sangat penting dalam agama Islam, bagi menjaga kedaulatan, keselamatan dan kelangsungan sesebuah negara (Engku Ahmad Zaki 2020). Kewajipan melantik pemimpin adalah satu bentuk kewajipan syarak yang sudah terang dan nyata (Khairul Anuar 2018). Peristiwa persepakatan para sahabat Nabi SAW dalam menegakkan kekhalifahan selepas kewafatan Nabi, adalah satu perkara yang termasuk dalam ijmak (Mohamad Zaidi 2015). Imam al Mawardi telah merumuskan bahawa tugas pemimpin ialah meneruskan tugas Nabi iaitu menjaga agama dan menguruskan kehidupan dunia. Manakala Ibnu Khaldun pula merumuskan bahawa tugas utama pemimpin ialah membawa seluruh manusia untuk kejayaan di akhirat dan mengurus dunia manusia untuk keuntungan akhirat (Siti Fatimah 2022). Dan Islam meletakkan garis panduan yang sangat ketat mengenai kriteria atau ciri-ciri kelayakan seseorang untuk menjadi pemimpin (Engku Ahmad Zaki 2020).

Objektif

Kajian ini bertujuan untuk:

1. MengetahuiMenganalisis peranan dan tanggungjawab utama pemimpin mengikut syarak.
2. Mengenalpasti ciri-ciri, sifat dan karekter yang perlu ada kepada seseorang pemimpin mengikut syarak.
3. Mencadangkan panduan memilih pemimpin berdasarkan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah syarak bagi pengundi Islam di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang akan menggunakan rekabentuk analisis kandungan dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Data primer seperti al-Quran dan al-Sunnah adalah dirujuk.. Manakala data sekunder pula seperti kitab-kitab *Fiqh al Muwazanat*, *Fiqh al Awlawiyat*, *Fiqh al Waqi'*, *Saddu Zaraie'*, *Maqasid al Syariyyah* serta ijtihad, pandangan ulama

klasik dan ulamak kontemporari. Sumber tersier pula terdiri daripada rujukan buku-buku, jurnal, kertas kerja, tesis dan artikel. Nas-nas dari sumber primer berkaitan ciri-ciri, karakter, peranan dan tanggungjawab pemimpin dikumpulkan bersama dengan maklumat mengenai teori, hukum, konsep kepimpinan dan pemimpin, perbincangan tentang masalah serta ijtihad dan pendapat ulamak atau pakar-pakar dari sumber sekunder dan tersier. Maklumat dan data-data yang dikumpulkan kemudiannya telah dianalisis melalui kaedah perbandingan, naratif dan deduktif. Triangulasi sumber klasik dilakukan dengan menyemak keselarasan antara nas-nas sumber primer dengan kitab-kitab dan pandangan fuqaha atau ulamak-ulamak. Manakala triangulasi sumber kontempori disahkan dan disemak dengan dapatan pakar dan analisa keputusan PRU terdahulu.

Sorotan Literatur

Semasa PRU15, didapati tiada satu tren tentang ciri-ciri, sifat dan karekter seseorang pemimpin yang seragam dan dominan dalam kalangan pengundi Islam khususnya kepada masyarakat Melayu di seluruh Malaysia. Sebaliknya, masyarakat Melayu dilihat semakin berpecah mengikut polarisasi etnik, kepartian dan membentuk pelbagai kumpulan komuniti yang berbeza (Bridget Welsh 2023). Didapati bahawa semasa PRU15, Pakatan Harapan (PH) dipilih kerana mempunyai pemimpin yang bersih daripada skandal, berpengalaman dalam pentadbiran, dan terdiri daripada golongan muda yang bertenaga ciri-ciri kepimpinan yang meyakinkan (Junaidi 2023). Pemimpin Pakatan Nasional (PN) pula dipilih oleh rakyat kerana sebagai gabungan yang bersih dan bebas daripada isu rasuah. Manakala Barisan Nasional (BN) pula, calon-calon mereka dipilih kerana berpengalaman dalam mentadbir negara, mampu membawa kestabilan dan dianggap boleh dipercayai serta mampu menangani cabaran negara (Junaidi 2023). Dalam perkara kaedah pemilihan pemimpin, Enizahura (2012) menyatakan bahwa Maqasid al-Shariah boleh menjadi kerangka terbaik dalam membuat pemilihan kerana objektif utamanya ialah mencapai kesejahteraan manusia dan mencegah kemudaratan serta kemungkaran. Manakala kajian terhadap pengundi muda pada Pilihan Raya Umum ke-15 menunjukkan mereka berada dalam keadaan keliru dan celaru dalam membuat keputusan. Menurut Farrah Nuur Fatheeah Zullaile (2023), pengundi muda tidak mempunyai panduan jelas dalam menentukan siapa yang layak diundi. Beliau mencadangkan agar satu garis panduan pemilihan calon pilihan raya dibentuk, yang berpandukan al-Quran, al-Sunnah, prinsip syarak serta mengambil kira keperluan dan realiti politik semasa di Malaysia.

Maka kita dapati daripada kajian lepas banyak menilai faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi terhadap pemilihan pemimpin, tetapi kurang mengintegrasikan prinsip-prinsip fiqh sebagai panduan dalam pemilihan pemimpin.

Hasil Kajian

Peranan Pemimpin Yang Menjadi Kewajiban Untuk Dilaksanakan

Berikut adalah dalil-dalil dan hujah yang menjelaskan tentang peranan dan tanggungjawab para pemimpin

1. Peranan menegakkan agama, yakni menyebarkan agama tauhid.

Firman Allah SWT:

﴿ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ ۚ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ ۗ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ۝۱۳ ﴾

Maksudnya: “Allah telah menerangkan kepada kamu - di antara perkara-perkara agama yang Ia tetapkan hukumnya - apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: "Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya". Berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau seru mereka kepadanya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama tauhid itu, dan memberi hidayah petunjuk kepada agamaNya itu sesiapa yang rujuk kembali kepadaNya (dengan taat)” Al Syura (42:13)

(Mohamad Shukeri et al. 2012).

Mesej yang sama juga yakni peranan untuk menegakkan agama atau menyebarkan agama tauhid dinyatakan melalui ayat 61 pada surah Hud dan ayat 55 pada surah al-Nur. Sirah Nabi SAW juga telah menyatakan penghantaran surat-surat dan wakil Nabi SAW kepada ketua-ketua kerajaan sekitar negara Arab untuk mengajak kepada Islam (Al-Buthy 2024). Imam al-Mawardi dan Ibnu Taimiyah juga berpendapat peranan utama pemimpin ialah mengembangkan serta memelihara agama (Mohd Azhar & Muhammad Lukman 2012).

2. Peranan menegakkan syariat agama.

Firman Allah SWT:

﴿ الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ۝۴۱ ﴾

Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan. Al Haj (22:41)

(Mohamad Shukeri et al. 2012).

Mesej yang sama juga yakni peranan untuk menegakan syariat agama tauhid ini dinyatakan melalui ayat 110 pada surah Ali Imran, ayat 58 pada surah an-Nisa, hadis 2948 pada Sunan Abi Daud dan pada hadis 2306 Bukhari. Manakala Ibnu Khaldun pula berpendapat peranan utama pemimpin ialah menegakan *maqasid al-syariah* (Mohd Azhar & Muhammad Lukman 2012).

Apabila diteliti kewajipan pemimpin Islam ialah menegakkan agama, menegakkan keadilan, menunaikan amanah, memakmurkan bumi, melaksanakan syariat Islamiyyah termasuk *amar makruf nahi mungkar*, mendirikan solat, membayar zakat, menyeru tauhid serta melayani dan berkhidmat untuk rakyat. Segala peranan ini, kita boleh kategorikan kepada peranan menyebarkan agama Islam yakni menyebarkan tauhid agama Allah SWT dan juga menegakkan syariat agama yakni melalui menegakkan negara Islam.

Peranan Pemimpin Yang Ditegah Oleh Syarak

1. Pemimpin yang kafir.

Firman Allah SWT:

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ ۚ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَائُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ ۗ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ٢٥٧

Maksudnya: “Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya” (Al Baqarah 257)

(Mohamad Shukeri et al. 2012).

Mesej yang sama juga yakni tegahan terhadap pemimpin yang kafir atau yang berlawan kepada tauhid, dinyatakan melalui ayat 257 pada surah al Baqarah.

2. Pemimpin yang tidak berhukum dengan hukum Allah.

Firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبَّيُّونَ وَالْأَخْبَارُ ۖ إِنَّا أَنْزَلْنَاهَا فِيهَا شُهَدَاءٌ ۖ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَآخِشُوا اللَّهَ ۚ اللَّهُ فَاؤْلَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ٤٤

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; dengan Kitab itu nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi, dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendita-penditanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu, dan mereka pula adalah menjadi penjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu (dengan menjaga diri dari melakukan maksiat dan patuh akan perintahKu); dan janganlah kamu menjual (membelakangkan) ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit (kerana mendapat rasuah, pangkat dan lain-lain keuntungan dunia); dan sesiapa yang tidak

menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir”

(Al Maidah 44).

Mesej yang sama juga yakni tegahan terhadap pemimpin yang tidak menegakkan syariat agama Allah SWT melalui ayat 26 pada surah Sad dan ayat 45 serta 47 pada surah al Maidah. Berdasarkan kepada dalil-dalil tersebut, syarak menolak pemimpin yang syirik, kafir, mengikut hawa nafsu atau tidak berhukum dengan hukum Allah, iaitu peranan-peranan yang berlawanan kepada agama tauhid dan juga yang tidak menegakkan syariat agama Islam.

Ciri-Ciri Dan Sifat Seorang Pemimpin Yang Dianjurkan Oleh Syarak

1. Pemimpin yang mempunyai kekuatan dan sifat amanah.

Firman Allah SWT:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَأْبَتِ اسْتَغْرَهُ إِنَّا حَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوَى الْأَمِينُ ٢٦

Maksudnya: “Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah". (Al Qasas 26).

(Mohamed 2018; Mohd Azhar & Muhammad Lukman 2012).

2. Pemimpin yang berilmu dan kuat jisim.

Firman Allah SWT:

قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakaninya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan”

(Al Baqarah 247).

Mesej yang sama juga yakni ciri-ciri dan sifat seorang pemimpin tentang *al-qawiy* atau pun kompeten dan juga sifat amanah iaitu sifat yang lahir dari takwa, dinyatakan melalui ayat 38 pada surah *al-Syuara*, hadis 60, 1825 dan 1828 riwayat Muslim, hadis 620 riwayat Bukhari dan hadis 10745 riwayat Ahmad. Imam al Mawardi, imam al Maududi dan Ibnu Khaldun juga menetapkan bahawa pemimpin perlu mempunyai sifat *al-qawiy* yakni kompeten dan sifat amanah (Mohamed 2018).

Ciri-ciri dan karakter pemimpin yang dikehendaki oleh syarak seperti kuat jasmani, amanah, berilmu serta cergas, bermesyuarat dalam membuat keputusan, adil, mengasihi rakyat dan bersikap lembut dengan rakyat, adalah satu manifestasi kepada keperibadian seorang muslim yang berkualiti, yakni mukmin dan bertakwa kepada Allah SWT.

Ciri-Ciri Dan Sifat Seorang Pemimpin Yang Ditegah Oleh Syarak

1. Bersifat zalim.

Firman Allah SWT:

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا يَسْتَضَعِفُ طَائِفَةً مِنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتَحْيِ نِسَاءَهُمْ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ ٤

Maksudnya: “Sesungguhnya Firaun telah berlaku zalim di bumi (Mesir) dengan melampaui batas, serta ia menjadikan penduduknya berpuak-puak. Ia menindas sepuak di antaranya dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya adalah ia dari golongan yang membuat kerosakan”

(Al Qasas 4).

2. Khianat terhadap amanah.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَخَوْنُوا أَمَانَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٧

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”

(Al Anfal 27).

Sifat zalim dan khianat adalah merupakan sifat yang berlawanan kepada sifat seorang muslim yang bertakwa. Mesej yang sama juga yakni tegahan terhadap pemimpin yang tidak mempunyai ciri-ciri takwa melalui ayat 151 dan 152 pada surah as-Syuara, ayat 8 pada surah al-Maidah, ayat 35 pada surah al-Ghafir, ayat 188 pada surah al-Baqarah, ayat 29, 138, 139, 144 pada surah an-Nisa, ayat 2 pada surah as-Saf, hadis 7150 riwayat Bukhari, hadis 142 dan 156 riwayat Muslim, hadis 2929 dan 3580 riwayat Abu Daud, hadis 1337 riwayat Tirmizi, dan hadis 2313 riwayat Ibnu Majah.

Berdasarkan kepada dalil-dalil petunjuk dari Al-Quran, Al Sunnah dan selainnya, sifat seperti zalim, khianat amanah, melampaui batas, tidak adil, rasuah, berkawan dengan kufur, munafik, meminta jawatan dan menipu, iaitu sifat-sifat yang berlawanan dengan sifat bagi takwa, adalah ditegah sama sekali.

Panduan Memilih Pemimpin: Kriteria Yang Menjadi Suruhan Syarak

1. Pemimpin yang beriman.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ٥٩

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman

kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” (Al Nisa 59) (Mohamed 2018).

Mesej yang sama juga yakni tentang kriteria pemimpin yang beriman dinyatakan melalui ayat 55 pada surah an Nur.

2. Pemimpin yang berhukum dengan adil.

Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨ ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat” (An Nisa 58).

Mesej yang sama juga yakni tentang kriteria pemimpin yang berkewajipan untuk berhukum dengan adil melalui ayat 8 pada surah al Maidah.

3. Pemimpin yang bertaqwa dan soleh.

Allah telah menyatakan bahawa kepimpinan dunia hendaklah dipegang oleh orang yang bertakwa seperti dinyatakan dalam beberapa ayat al-Quran. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ ١٠٥

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya, Kami telah tulis di dalam Kitab-kitab yang Kami turunkan sesudah ada tulisannya pada Lauh Mahfuz: "Bahawasanya bumi itu akan diwarisi oleh hamba-hambaKu yang soleh" (Al Anbiya 105)

(Mohamad Shukeri et al. 2012).

Mesej yang sama juga yakni tentang kriteria pemimpin yang bertakwa dan soleh melalui ayat 105 pada surah al Anbiya.

4. Pemimpin yang mendirikan sembahyang, memberi zakat, amar makruf dan nahi mungkar.

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ٤١

Maksudnya: “Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan” (Al Haj 41)

(Mohamad Shukeri et al. 2012).

5. Pemimpin mempunyai keperibadian paling dekat dengan al-Quran.

Pemilihan pemimpin semasa zaman sahabat yang empat yakni *khalifah al rashidin*, pemilihan adalah berdasarkan kepada keperibadian yang paling hampir dengan al Quran dan kebolehan kepimpinan dalam agama (Mohd Azhar & Muhammad Lukman 2012)

Maka apabila diteliti akan panduan dalam memilih pemimpin, kita dapat simpulkan bahawa anjuran syarak ialah terhadap memilih pemimpin yang akan menjalankan segala perintah Allah. Yang demikian itu adalah untuk menggarap tujuan besar dalam bernegara iaitu mencapai masalah dunia dan akhirat kepada umat Islam.

Panduan Memilih Pemimpin: Kriteria Yang Menjadi Tegahan

1. Larangan menjadikan orang kafir sebagai pemimpin.

Firman Allah SWT:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ ۚ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَاةً ۚ وَيُخَذِّرْكُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ ۚ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ٢٨

Maksudnya: “Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali (pemimpin / pelindung) dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Barang siapa berbuat demikian, niscaya lepaslah ia dari pertolongan Allah, kecuali karena (siasat) memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri (siksa)-Nya. Dan hanya kepada Allah kembali(mu)” (Ali Imran 28).

Mesej yang sama juga yakni tentang larangan menjadikan orang kafir sebagai pemimpin melalui ayat 139 dan 144 dari surah an Nisa, ayat 23 dari surah at Taubah dan ayat 22 dari surah al Mumtahanah.

2. Larangan menjadikan orang kafir sebagai teman setia.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةً ۖ مِنْ دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُؤًا مَا عِثْتُمْ قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ ۚ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمْ ءَايَاتٍ ۚ إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ١١٨

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi "orang dalam" (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya” (Ali Imran 118).

Mesej yang sama juga yakni tentang larangan menjadikan orang kafir sebagai teman setia melalui ayat 16 dari surah at Taubah, ayat 80 hingga 81 dari surah al Maidah, ayat 1 dari surah al Mumtahanah dan ayat 14 hingga 15 dari surah al Mujadalah.

3. Larangan mengambil orang zalim sebagai pemimpin.

Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَرَىٰ أَوْلِيَاءَ ۚ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ مِّنكُمْ فَإِنَّهُ مِنهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ٥١﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi pemimpin-pemimpin(mu); sebahagian mereka adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain. Barangsiapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim” (Al Maidah 51).

Mesej yang sama juga yakni tentang larangan menjadikan orang zalim sebagai pemimpin melalui ayat 124 dari surah al Baqarah.

4. Orang yang melampaui batas dan melakukan kerosakan.

Firman Allah SWT:

﴿وَلَا تُطِيعُوا أَمْرَ الْمُسْرِفِينَ ١٥١﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu taati perintah orang-orang yang melampaui batas”

﴿الَّذِينَ يُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ١٥٢﴾

Maksudnya: “Iaitu orang-orang yang melakukan kerosakan di bumi dan tidak membuat kebaikan” (Al Syuaraa 151-152).

5. Bersifat lemah.

Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: “Daripada Abu Zar RA dia berkata, aku bertanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah apakah Tuan tidak melantik aku (menjadi pemimpin). Lalu Rasulullah memegang bahu ku dengan tangannya dan bersabda: Wahai Abu Zar, sesungguhnya aku lihat engkau adalah lemah sedangkan kepimpinan itu adalah amanah. Dan ia di hari kiamat nanti adalah satu kehinaan dan penyesalan melainkan mereka yang memegang dengan haknya dan menunaikan hak-hak yang terdapat ke atas kepimpinan tersebut”

(Sahih Muslim no: 1825).

6. Orang yang mengejar jawatan.

Nabi SAW bersabda:

﴿إِنَّكُمْ سَتَخْرِصُونَ عَلَى الْإِمَارَةِ وَسَتَكُونُ نَدَامَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَنِعْمَ الْمُرْضِعَةُ وَبِئْسَتِ الْفَاطِمَةُ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya kamu akan bersungguh mengejar kepimpinan (jawatan), sedangkan ia akan menjadi satu penyesalan buat kamu dihari akhirat. Maka yang sebaik-baiknya adalah yang memberi susuan (pemimpin yang memberi kebaikan), dan yang seburuk-buruknya adalah pemutus susu (iaitu kiasan buat pemimpin yang memutuskan nikmat kepada rakyat)” (Sahih al Bukhari no. 7148).

7. Melantik kenalan atau orang yang kurang layak.

Hadis dari al-Hakim al-Nisaburi dalam kitab al-Mustadrak:

أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ مُوسَى الْعَدْلُ ثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَيُّوبَ أَنْبَأَ يَزِيدُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ الطَّيَالِسِيُّ ثَنَا
خَالِدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْوَاسِطِيُّ، عَنْ حُسَيْنِ بْنِ قَيْسِ الرَّحْبِيِّ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا
قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا مِنْ عَصَابَةِ وَفِي تِلْكَ الْعَصَابَةِ مَنْ هُوَ
أَرْضَى لِلَّهِ مِنْهُ فَقَدْ خَانَ اللَّهَ وَخَانَ رَسُولَهُ وَخَانَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “ Abdullah bin Muhammad bin Musa Bin al-Adl telah memberitahu saya, beliau berkata : Muhammad bin Ayub telah menceritakan kepada kami, beliau berkata : Yazid Bin Abdul Aziz al-Tayalisi telah memberitahu kami, beliau berkata : Khalid bin Abdullah al-Wasiti telah menceritakan kepada kami bahawa beliau meriwayatkan daripada Husain bin Qays al-Rahabi daripada Ikrimah daripada Ibn Abbas RA, beliau berkata : Rasulullah SAW bersabda : Sesiapa yang melantik seorang lelaki dari satu kumpulan sedangkan dalam kumpulan tersebut terdapat orang yang lebih Allah reda daripadanya, maka dia telah melakukan pengkhianatan kepada Allah, Rasul-Nya dan dia juga telah mengkhianati orang yang beriman.”

8. Ijtihad ulamak terdahulu dan kontemporari.

Imam Ibnu Hajar al-Haithami berpendapat bahawa harus hukumnya untuk mengangkat orang bukan Islam sebagai pemimpin atau untuk suatu jawatan jika ada padanya masalah dan jika tidak terdapat mana-mana orang Islam yang boleh memikulnya, atau pun orang Islam mempunyai sifat khianat dan orang bukan Islam tidak mempunyai sifat khianat tersebut. Namun begitu, pemimpin bukan Islam tersebut perlu dikawal selia dan mampu dicegah daripada melakukan sebarang keburukan atau kemudaratan kepada orang Islam. (Jabatan Mufti Negeri Selangor 2019).

Dapat dirumuskan bahawa antara tegahan yang sangat ketara ialah terhadap larangan untuk berkerjasama dengan orang kafir dan larangan untuk memilih orang kafir sebagai pemimpin kepada orang Islam, yakni selagi mana masih wujudnya alternatif untuk memilih pemimpin yang beragama Islam.

Algoritma Pemilihan Pemimpin Semasa Pru

Berdasarkan kepada peranan dan tanggungjawab pemimpin yang dianjurkan dan ditegah oleh syarak, ciri-ciri atau sifat-sifat pemimpin dianjurkan dan ditegah oleh syarak, dan panduan-panduan memilih pemimpin dianjurkan dan ditegah oleh syarak, berikut adalah cadangan algoritma untuk menilai dan seterusnya memilih calon untuk diundi semasa PRU:

LANGKAH 1: Nilai Gabungan - Pilih Majoriti MP Islam

- Untuk melantik kerajaan Islam, maka minima 112 MP diperlukan melalui GABUNGAN. Ini adalah kerana menerusi sistem Demokrasi Berparlimen , minima 112 MP akan melayakkan pembentukan kerajaan Persekutuan.
- Menempati *Fiqh al Waqi* iaitu Fiqh Realiti Semasa bagi negara Malaysia kini, memilih Gabungan adalah menempati masalah untuk melantik pemimpin.
- Maka Gabungan yang memiliki majoriti MP Islam (melaui rekod PRU terdahulu dijadikan rujukan) adalah menjadi Langkah Pertama dalam kriteria memilih pemimpin terhadap pembentukan kerajaan Islam

- Perlembagaan Malaysia mempunyai beberapa sekatan ataupun halangan terhadap pelaksanaan syariat Islam secara sempurna dan menyeluruh. Maka dengan adanya 112 atau 148 jumlah MP yang majoritinya Islam yang membentuk kerajaan, akan mempunyai keupayaan meminda peruntukan-peruntukan yang perlu di dalam Pelembagaan Malaysia.
- Dari sudut *Maqasid al Syariah*, Gabungan yang mempunyai majoriti MP Islam yang membentuk jumlah 112 atau 148 MP, akan berupaya mendaulatkan pemeliharaan perkara *dharuriyyat al khams* iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan/nasab dan harta.
- Sekiranya selepas LANGKAH 1 masih seri atau bersamaan, maka pergi ke LANGKAH 2.

LANGKAH 2: Nilai Manifesto Gabungan Parti Dari Sudut Memelihara Maqasid Al Syariah

- Nilai dari sudut *Fiqh al Muwazanat* (1): Pilih Gabungan yang mempunyai manifesto untuk mendirikan syariat Islam secara syumul atau negara Islam secara syumul adalah terlebih utama daripada sekadar memelihara Islam mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia.
- Nilai dari sudut *Fiqh al Muwazanat* (2): Pilih Gabungan yang mempunyai manifesto untuk memelihara Islam mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia adalah lebih utama daripada tiada apa-apa peruntukan tentang pemeliharaan agama Islam.
- Nilai dari sudut *Fiqh al Muwazanat* (3): Pilih Gabungan yang mempunyai manifesto yang tiada apa-apa peruntukan tentang pemeliharaan agama Islam lebih utama daripada manifesto yang bermatlamat mendirikan kerajaan sekular.
- Sekiranya selepas LANGKAH 2 masih seri atau bersamaan, maka pergi ke LANGKAH 3.

LANGKAH 3: Penilaian Ciri-ciri Calon

- Dari sudut *Fiqh Al Awlawiyyat* (1): Pilih calon yang beragama Islam lebih utama daripada calon bukan Islam.
- Dari sudut *Fiqh Al Awlawiyyat* (2): Pilih calon yang lebih kompeten (*al qawiy*) dan amanah (*al amin*) lebih utama daripada calon yang kurang kompeten.
- Dari sudut *Fiqh Al Awlawiyyat* dan Mencegah kemudarat/ *Saddu Zaraie* (3) : Pilih calon yang paling kurang sifat fasad lebih utama daripada calon yang banyak sifat fasad.

Perbincangan

Pemilihan pemimpin di Malaysia semasa PRU berbeza dengan situasi pemilihan pemimpin semasa zaman *khulafak al-rashidin* dan pada awal sejarah Islam di mana pemilihan adalah berlaku terhadap seorang kepala atau ketua negara. Namun di Malaysia pada hari ini, pemerintah dibentuk dari parti-parti yang membentuk gabungan lalu menerima mandat untuk menerajui kerajaan. Maka parti atau gabungan yang mempunyai 112 kerusi parlimen atau lebih, akan menjadi kerajaan pusat. Perdana Menteri kemudian dilantik untuk mengetuai kabinet dan kerajaan. Dan Perdana Menteri bagi Malaysia tidak memerintah secara bersendirian, malahan menteri-menteri kabinet beserta ahli-ahli Parlimen, di bawah tatakelola yang Yang Di Pertuan Agong (YDPA) akan bersama-sama menjalankan tugas kepimpinan bagi mentadbir negara Malaysia.

Peranan dan tanggungjawab pemimpin digalas di atas bahu parti yang majoriti dan gabungan yang terbentuk, tidak di atas kepala seorang pemimpin sepertimana zaman *khulafak al rashidin* dan awal sejarah Islam. Maka di sini pentingnya menilai dasar sesebuah parti kerana parti yang menjadi majoriti atau dominan, akan melaksanakan agenda pemerintahan mengikut matlamat dasar yang digariskan oleh perlembagaan parti tersebut. Maka dasar sesebuah parti tersebut sangat penting dalam menilai hala tuju dan matlamat sesebuah parti tersebut. Juga kerana pemimpin setiap parti akan datang dan pergi, tetapi dasar dan perlembagaan parti tetap dijunjung oleh setiap pemimpin yang masuk memimpin. Ciri ini tersangat penting ketika adanya satu parti yang sangat dominan yang dapat membentuk kerajaan persekutuan secara berasingan atau melalui parti sendiri. Parti UMNO telah menunjukkan dominan secara satu parti bersendirian untuk membentuk kerajaan persekutuan pada PRU tahun 1955, 1959, 1964 dan 2004. Parti lain belum pernah mampu mengalami situasi sebegini .

Gabungan parti-parti (*coalition*) pula akan membentuk kerajaan persekutuan apabila tiada satu parti yang layak untuk membentuk kerajaan persekutuan secara bersendirian. Sebanyak sebelas (11) kali PRU yang mana gabungan parti-parti diperlukan untuk membentuk kerajaan persekutuan. Adakalanya gabungan parti-parti belaku melebihi sekali, yakni apabila gabungan asal (primer) yang dibentuk sebelum PRU gagal mencapai jumlah 112 kerusi parlimen, maka gabungan baru (sekunder) selepas PRU akan terbentuk pula untuk mencapai atau melepasi angka 112 kerusi demi untuk membentuk kerajaan. Dan gabungan baru (sekunder) lebih bersifat sementara, yakni akan berpisah kembali apabila selesai tempoh mandat memerintah negara. Situasi ini telah berlaku pada tahun 1972-1973, 2018 dan 2022. Maka penilaian kepada hala tuju, matlamat atau manifesto gabungan-gabungan parti ini juga menjadi penting untuk dinilai oleh pengundi.

Dua PRU yang terakhir iaitu PRU 14 (tahun 2018) dan 15 (tahun 2022), telah menunjukkan tiada satu parti yang dominan yakni yang mampu untuk membentuk kerajaan persekutuan secara sendirian. Maka jika tren ini berterusan, maka mengundi gabungan parti menjadi penentu kepada pembentukan kerajaan persekutuan. Dengan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia, jumlah minima 112 kerusi parlimen adalah untuk membentuk kerajaan persekutuan, maka mengundi gabungan bererti mengusulkan gabungan tersebut untuk pembentukan kerajaan persekutuan bagi Malaysia.

Kesimpulan

Urusan mengundi untuk memilih dan melantik pemimpin ialah amanah yang bersifat syarie. Maka kajian ini menjelaskan tugas dan ciri-ciri utama pemimpin menurut syarak, iaitu menegakkan agama, berlaku adil, dan amanah, serta menolak kezaliman, rasuah dan pembohongan. Dari sudut panduan atau kaedah memilih pemimpin semasa PRU, tiga langkah praktikal telah dicadangkan. Langkah pertama ialah dengan mendahulukan pemilihan gabungan parti yang mampu membentuk majoriti Islam bagi menjamin kepimpinan yang memelihara *maqasid al syariyyah*. Langkah keduanya pula ialah dengan menilai manifesto gabungan parti-parti mengikut *maqasid al syariah* dan *fiqh al muwazanat*, iaitu dengan mengutamakan matlamat terhadap pemeliharaan *maqasid al syariah* serta kurangkan kemudaratannya kepada agama. Dan langkah yang ketiga ialah dengan melakukan tapisan kepada calon berdasarkan agama, kompetensi, rekod integriti dan amanah, sambil menolak calon berisiko fasad. Kaedah ini dibina dengan pendekatan menyusun keutamaan pengundian supaya sejajar dengan nas-nas syarak dan kaedah-kaedah sekunder syarak. Dengan adanya panduan algoritma ataupun kaedah memilih pemimpin semasa PRU, para pengundi boleh membuat keputusan yang selaras dengan ajaran Islam, dalam memenuhi tuntutan untuk melantik

pemimpin. Matlamat besar kepimpinan sesebuah negara umat Islam ialah untuk mencapai maslahat yakni kejayaan dunia dan akhirat, yakni menggapai keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Jadual 1: Ringkasan Algoritma Tertib Pemilihan Pemimpin Semasa PRU

Langkah	Parameter
1	NILAI GABUNGAN PARTI CALON: Pilih gabungan yang mempunyai majoriti MP Islam
Bilamana masih SAMA (SERI), pergi ke langkah 2	
2	NILAI MANIFESTO GABUNGAN PARTI DARI SUDUT MEMELIHARA MAQASID SYARIAH
	a) Pilih Gabungan yang mempunyai manifesto untuk mendirikan syariat Islam secara syumul atau negara Islam secara syumul adalah terlebih utama daripada sekadar memelihara Islam mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia
	b) Pilih Gabungan yang mempunyai manifesto untuk memelihara Islam mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia adalah lebih utama daripada tiada apa-apa peruntukan tentang pemeliharaan agama Islam
	c) Pilih Gabungan yang mempunyai manifesto yang tiada apa-apa peruntukan tentang pemeliharaan agama Islam lebih utama daripada manifesto yang bermatlamat mendirikan kerajaan sekular
Bilamana masih SAMA (SERI), pergi ke langkah 3	
3	PENILAIAN CIRI-CIRI CALON:
	a) Pilih calon yang beragama Islam lebih utama daripada calon bukan Islam
	b) Pilih calon yang lebih kompeten (<i>al qawiy</i>) dan amanah (<i>al amin</i>) lebih utama daripada calon yang kurang kompeten
	c) Pilih calon yang paling kurang sifat fasad lebih utama daripada calon yang banyak sifat fasad

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abdul Hadi, A. 2023. Islam mewajibkan bernegara dan mengundi kepimpinan Islam. Harakah Daily.

Al-Buthy, S. R. 2024. Fikih Sirah. Hikmah.

Azizah & Siti Noraini, H. 2024. Persepsi Masyarakat Malaysia Terhadap Pilihan Raya Umum Ke-15: Analisis Semantik Kognitif. Jurnal Wacana Sarjana 8(1): 1-23.

Azmi, A. S. 2020. 40 Hadis tentang Politik dan Kepimpinan. Ulum Hadith Research Centre.

Azri, B. 2022. Tanggungjawab kepimpinan dalam Islam. Harian Metro,

Brahim, M. 2014. Peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dalam sistem politik Malaysia. Universiti Utara Malaysia.

Department of Statistics Malaysia 2025. Population and Housing Census of Malaysia 2020.

Engku Ahmad Zaki, E. A. 2020. Pemimpin dan kesejahteraan negara. Harian Metro, 8 Julai 2020:

Enizahura, B. a. A. 2012. Forming the Right Political Stance. The Star, 19 June 2012:

Hafezdzullah, B. M. H. 2022. Pemimpin Islam masih dominasi Kerajaan Perpaduan. Sinar Harian Premium, 03 Disember 2022:

Hairol Anuar Hj Mak Din, S. a. Y. & Ahmad Munawar Ismail, Z. S. 2014. Pendekatan nilai dalam memilih kepimpinan politik: kajian tinjauan dalam kalangan kelas menengah Melayu pasca Dasar Ekonomi Baru. Jurnal Hadhari 6(2): 71-84.

Jabatan Mufti Negeri Selangor 2019. Larangan Allah untuk melantik orang kafir sebagai pemimpin.

Junaidi, A. B. 2023. Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahan. Journal of Social Sciences & Humanities 20(1):

Junaidi, A. B., Jali, M. F. M., Lyndon, N. & Zain, M. F. M. 2015. Pilihan raya umum (PRU) 2013: Satu tinjauan kritis terhadap pola pengundian etnik Melayu. Jurnal Melayu 14(1): 64-91.

Khairul Anuar, I. 2018. Kewajipan melantik pemimpin serta syubhah sekitarnya. Harakah Daily
Khairul Munzir, I., Muhammad Faiz, Mukmin Abdul Motalib, Mohd Shairawi Mohd Noor ., 2017. Fiqh Al-Muwazanat Dalam Politik Islam Menurut Al-Juwaini (478h). Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)

Mahmood, A. M., Mahmood, A. R. & Kashim, M. 2011. Fiqh Al-Muwazanat: Hubungan Dan Implikasinya Terhadap Fatwa. Cetakan Pertama 159-184.

Mazuki, S. A., Abdullah, M. S. & Mustafa, M. F. 2024. Penentuan Al-Awlawiyyāt Maṣlahah Dan Mafṣadah Dalam Fatwa Perubatan Di Malaysia:(Determination of Al-Awlawiyyāt Maṣlahah and Mafṣadah in Medical Fatwa in Malaysia). Online Journal of Research in Islamic Studies 11(1): 113-130.

Mohamad Shukeri, Abdullah, A. N. & Mohamed Adnan, M. 2012. Rahsia kepimpinan Islam dan kejayaan negara menurut huraian Al-Quran.

Mohamad Zaidi, A. R. 2015. Aplikasi Maqasid al-Syari'ah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam. Jurnal Fiqh 12(29-56).

Mohamed, H. a.-B. 2018. Islam dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti: Islam and the Formation of Quality Leadership. Zulfaqr Journal of Defence Management, Social Science & Humanities 1(1):

Mohd Ajib, I. 2020. Cara hidup sempurna. Harian Metro,

Mohd Azhar, B. A. & Muhammad Lukman, B. I. 2012. Metodologi Pemilihan Pemimpin Dalam Pilihan Raya Menurut Siyasah Shar'iyyah. Jurnal KIAS 7(1): 89-110.

Muda, A. L., Ali, R. & Zin, M. 1997. Pengantar usul fiqh. Pustaka Salam Sdn. Bhd.

- Muhamad Khairi Asyraf, B. 2023. Memahami falsafah politik Islam. Harian Metro, 6 Januari 2023:
- Muhammad Nazir, A. 2024. Fiqh Awlawiyyat Dan Maqasid. Dlm. (Pnyt.). Fiqh Awlawiyyat Dan Maqasid, hlm. Bandar Baru Bangi. Selangor.: UKM.
- Nina Muslim. 2022. Pengundi muda masih ‘samar’ buat pilihan, tapi berpotensi jadi penentu. Selangor Kini,
- Parlimen Malaysia 2025 Portal Resmi Parlimen Malaysia.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2016. Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke-3: Sumber-Sumber Hukum Dalam Ilmu Usul Al-Fiqh.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2018. Bayan Linnas Siri Ke-139 : Al-Quran : Kalamullah Yang Mukjizat.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2018. Irsyad Al-Hadith Siri Ke-250: Berinteraksi Dengan Sunnah.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2019. Bayan Linnas Siri Ke-189: Maqasid Syariah Dalam Perubahan.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2019. Bayan Linnas Siri Ke-209: Politik Dalam Islam.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2019. Bayan Linnas Siri Ke-209: Politik Dalam Islam.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2021. Irsyad Al-Hadith Siri Ke 524 : Akan Datang Pada Akhir Zaman Pemimpin Yang Zalim, Menteri Yang Fasik Dan Hakim Yang Menipu. Putrajaya, Malaysia.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2024. Irsyad Usul Fiqh Siri Ke-76: Makna Fiqh Al-Waqi’ Dan Perbezaanya Dengan Fiqh Al-Nawazil.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, J. P. M. 2024. Bayan Linnas Siri Ke-287: Tanggungjawab Dan Keutamaan Seorang Pemimpin.
- Siti Fatimah, M. N. 2022. Kepimpinan Islam Dalam Tadbir Urus Insan: Satu Tinjauan. CIPHER International Journal of Islamic Finance 1(104-112).
- Suzalina, H. 2022. PRU15: Pengundi atas pagar didominasi orang muda jadi penentu mandat. Berita Harian,
- Zanariah, A. M. 2023. Pertambahan ahli buktikan UMNO terus dapat sokongan. Berita harian, 9 June 2025:
- Zulkifli, B. M. a.-B. 2018. BAYAN LINNAS SIRI KE- 129 : MENGUNDI CALON BUKAN MUSLIM DALAM PILIHANRAYA.
- Zullaile, F. N. F., Kusrin, Z. M., Omar, A. F. & Saleh, M. M. H. 2023. Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia. Journal of Contemporary Islamic Law 8(1): 42-50.